

19 JAN 1996

EKSPORT LEBIH TINGGI KE KANADA BOLEH KURANGKAN DEFISIT PERDAGANGAN

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Malaysia boleh mengurangkan masalah defisit perdagangannya dengan mempertingkatkan eksportnya ke pasaran-pasaran rancak seperti Kanada, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bercakap pada satu sesi pleno dengan 300 orang perwakilan Kanada yang diadakan sempena lawatan dua hari Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien ke sini yang berakhir hari ini, Dr. Mahathir juga mengulangi bahawa ekonomi Malaysia tidak terlalu pesat.

Chretien juga adalah salah seorang penceramah pada sesi tersebut yang dipengerusikan oleh presiden Dewan Perniagaan dan Perusahaan Malaysia (NCCIM) Datuk Seri Yahaya Ahmad.

Minggu lalu Dr Mahathir menggariskan beberapa langkah yang boleh mengurangkan perangkaan defisit perdagangan Malaysia, antaranya termasuklah meningkatkan eksport.

Menjawab satu soalan daripada hadirin, Chretien berkata Kanada bersedia mengimport teknologi dari Malaysia yang mungkin jauh lebih baik daripada teknologi-teknologi yang dimajukan di Kanada sendiri. -- BERNAMA